

DBKL gempur penjaja stimbot tanpa lesen

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggempur penjaja stimbot atau lolo menerusi satu Tindakan Khas Aktiviti Penjaja Tanpa Lesen dan Penjaja Warga Asing di ibu kota.

DBKL dalam satu hantaran berkata, pihaknya menerusi Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa melaksanakan Tindakan Khas Aktiviti Penjaja Tanpa Lesen dan Penjaja Warga Asing di sekitar Jalan Haji Hussein dan Jalan Ampang (hadapan LRT Ampang Park).

Katanya, tindakan khas itu dibuat secara mengejut melalui pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti perniagaan dan penjajaan seperti penjaja makanan, minuman dan lain-lain aktiviti yang membuat kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen, salah guna lesen, halangan tred perniagaan di tempat awam dan penjaja warga asing.

“Melalui tindakan khas yang dijalankan, DBKL membuat enam tindakan sita dan pindah barangan atau peralatan yang diletakkan di tempat awam terhadap pemilik restoran atau gerai, penjaja tanpa lesen warga negara dan penjaja tanpa lesen warga asing menerusi kesalahan di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“Tindakan khas ini merupakan kali kedua dijalankan di lokasi yang sama pada and 18 Januari lalu,” katanya di sini semalam.

Katanya, antara peralatan yang disita adalah kerusi meja, payung lipat, skuter elektrik, kenderaan stimbot (lolo) dan lain-lain.

“Barangan dan peralatan yang disita, dipindahkan ke Setor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk rekod penyimpanan sementara,” ujarinya.



DBKL gempur penjaja stimbot yang berniaga di sekitar Jalan Ampang di Kuala Lumpur.